

# Aksesori seks dijual terbuka

Oleh SUHANA VERU, MAZLINA ABDUL MAJID dan NOR AZIRAN YUNUS  
berita@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Lambakan ubat-ubatan dan peralatan seks yang sebelum ini dijual secara terbuka di negara-negara luar seperti Singapura, Amerika Syarikat, United Kingdom atau Belanda kini mula menular di negara ini.

Jika dahulu, aktiviti jualan aksesori seks itu hanya boleh didapati di tepi-tepi jalan tetapi kini pengusaha produk tersebut lebih berani dengan membuka francais di kompleks membeli-belah terkenal secara terbuka di ibu negara.

Antara pusat membeli-belah itu ialah di Jalan Imbi, Jalan Bukit Bintang, Bangsar, Subang Jaya, Cheras dan Damansara.

Paling menarik, untuk mengenali premis-premis yang menjual peralatan seks itu sangat mudah kerana pintu-pintu masuk kedai itu diletak dengan objek berbentuk alat sulit lelaki.

Premis itu bukan saja mendapat sambutan menggalakkan daripada golongan dewasa malah lebih mendukacitakan, pelajar-pelajar sekolah turut menjadi pelanggan mereka.

*Kosmo!* yang membuat tinjauan di sebahagian premis terbabit mendapati, di hadapan semua premis itu terdapat pa-



pan tanda yang mensyaratkan hanya individu berumur 18 tahun ke atas dibenarkan masuk ke kedai itu.

Bagaimanapun, pemantauan selama empat hari berturut-turut di tiga daripada premis itu mendapati, ramai remaja yang berumur bawah 18 tahun termasuk pelajar sekolah yang berpakaian seragam sekolah bebas keluar masuk tanpa sekatan.

Wartawan *Kosmo!* yang menyamar dengan berpakaian sekolah menengah berjaya memasuki premis berkenaan dan berada di dalamnya agak lama tetapi ditegah untuk membeli.

"Awak boleh beli barang ini tetapi sekarang awak pakai baju sekolah, kalau awak datang esok pakai baju biasa, saya kasi awak beli," kata pekerja di situ.

Lebih menjengkelkan apabila remaja Melayu yang bertudung dan berbaju kurung ditemani pasangan masing-masing serta pelancong dari negara Timur Tengah tanpa segan silu masuk dan membeli beberapa peralatan seks di kedai terbabit.

Antara golongan lain yang dilihat menjadi pelanggan kedai tersebut ialah golongan remaja Melayu Blackmetal, Skinhead dan pelesit rempit yang terkenal dengan budaya seks bebas.

Seorang remaja Skinhead yang

ditemui mengakui hal itu dan memberitahu, ada di antara mereka sudah menjadi pelanggan tetap dan sering 'memesan' barang yang dihajati.

Antara yang menjadi kegemaran pembeli ialah kondom, pil viagra serta alat permainan seks untuk wanita dan lelaki dengan kebanyakan ubatan atau aksesori seks itu diimport dari China, Thailand dan Hong Kong.

Selain sarat dengan pelbagai ubatan, anak patung seks berbentuk tubuh wanita, gel, pakaian dalam malah rantai kunci yang memaparkan objek organ seks tiruan turut dijual dengan harga antara RM12 dan RM300.

Sementara itu, **Bahagian Francais, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)** mendakwa, premis terbabit tidak mendaftar dengan bahagian itu untuk beroperasi.

Pada masa sama, **Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Salleh Yusup** juga mendedahkan, syarikat terbabit beroperasi secara tidak sah.

"Lagi pun sudah menjadi dasar DBKL tidak mengeluarkan lesen untuk kedai-kedai seperti itu dan kita tidak menolak kemungkinan mereka telah memanipulasikan lesen yang diberi," jelas Salleh ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut **Ketua Penolong Pengarah, Unit Perlindungan Pengguna, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Mazlan Ismail** pula, sebarang ubatan yang tidak mempunyai nombor pendaftaran dan nombor hologram meditag tidak dibenarkan dijual di negara ini.

"Produk seks hanya boleh dijual di kedai farmasi dan itu pun dengan preskripsi doktor," jelasnya.

Produk seks hanya boleh dijual di kedai farmasi dan itu pun dengan preskripsi doktor

MAZLAN ISMAIL



SEORANG pelajar sekolah yang masih berpakaian seragam turut mengunjungi kedai seks.